

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 MARCH 2017

Hasil siasatan dedah skandal kewangan zaman Mahathir

BH - 16/3/2017

➔ Misteri belunggu kewangan tak pernah didedah

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

✦ Petaling Jaya

Isu kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1990-an disifatkan misteri apabila kebenaran mengenainya tidak pernah didedahkan kepada masyarakat umum.

Sehubungan itu, Pengerusi Lembaga Penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim ber-

harap siasatan dilakukan Pasukan Petugas Khas Siasatan Kerugian Mata Wang Asing BNM dapat meringkai misteri berkenaan.

Katanya, hasil siasatan itu membolehkan orang ramai mengetahui isu sebenar di sebalik skandal kewangan pada zaman pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Kes ini perlu diselesaikan segera... orang ramai perlu tahu apa yang sebenarnya berlaku seperti isu lain ditangani, termasuk didokumentasikan secara terperinci.

Siasat cari kebenaran

“Ia dianggap misteri kerana kebenarannya tidak pernah didedahkan... sekarang adalah masa untuk isu itu disiasat untuk mencari kebenaran,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Akhbar semalam melaporkan Pasukan Petugas Khas Siasatan Kerugian Mata Wang Asing BNM pada 1990-an akan melaporkan hasil siasatan kepada Kabinet dalam tempoh tiga bulan.

Pasukan diketuai bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidedek Hassan turut dianggotai enam lagi ahli akan membuat perakuan sama ada Suruhanjaya Siasatan Di-

raja perlu ditubuhkan atau tidak.

Pasukan itu akan menjalankan tugas dengan terma rujukan siasatan awal berkaitan dengan BNM dalam kegiatan spekulasi urus niaga mata wang asing.

Ramai bakal keluar DAP

Sementara itu, Tunku Abdul Aziz berkata, lebih ramai ahli DAP di Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Melaka akan bertindak keluar parti itu berikutan mereka sudah membuka mata dan menyedari realiti kepemimpinan keluarga Kit Siang.

Beliau yang juga bekas Naib Pengerusi DAP berkata, berdasarkan pengalamannya Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan bapanya Kit Siang tidak suka dasar mereka dicabar atau ditentang ahli parti.

“Tiada ruang untuk menyuarakan pendapat yang mungkin bercanggah dengan kepemimpinan atasan dalam DAP,” katanya.

Baru-baru ini, 182 ahli DAP di Melaka memilih untuk keluar daripada parti berkenaan kerana masalah dalaman parti itu.

Bulan lalu 40 ahli DAP di Sabah dilaporkan meninggalkan parti itu secara beramai-ramai untuk menyertai komponen Barisan Nasional.



Kes ini perlu diselesaikan segera... orang ramai perlu tahu apa yang sebenarnya berlaku seperti isu lain ditangani, termasuk didokumentasikan secara terperinci”

**Tunku Abdul Aziz
Tunku Ibrahim,**
Pengerusi Lembaga
Penasihat Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah
Malaysia



Keratan akhbar BH semalam.